

Kegagalan capai matlamat DEB

Terlalu ghairah ingin cepat kaya

27 JUL 1990

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, Khamis — Tidak cekap dalam pengurusan dan sikap ingin cepat kaya adalah antara beberapa kelemahan usahawan Bumiputera sehingga menyebabkan matlamat pencapaian 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak dapat dipenuhi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata matlamat itu sepatutnya sudah boleh dicapai jika dihitungkan segala kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu Bumiputera.

Malangnya, kata beliau, Bumiputera lebih cenderung untuk mendapatkan keuntungan segera daripada mengusahakan perniagaan mereka setapak demi setapak bagi memperoleh keuntungan besar di kemudian hari.

Beliau memberi contoh pengeluaran saham khas oleh kerajaan untuk Bumiputera dan mereka menjualnya semula untuk mendapatkan keuntungan semasa.

"Begitu juga dengan lesen perniagaan yang diberikan kepada mereka, kebanya-

kannya dijual kepada orang lain untuk mendapatkan bayaran awal," katanya ketika merasmikan Simposium Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia, di sini hari ini.

Simposium tiga hari tajaan Agensi Pembangunan Antarabangsa Kanada (CIDA) itu dianjurkan oleh Persatuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan dan Profesyen Selangor dan Wilayah Persekutuan (Peniagawati).

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta usahawan supaya berfikir secara berperingkat sebelum menyimpan cita-cita besar, yang akhirnya merugikan diri sendiri.

Beliau berkata, kerajaan tersilap apabila dulunya menyuruh rakyat, termasuk usahawan supaya berfikir besar, kerana ia menyebabkan usahawan lebih ghairah untuk menyertai perniagaan yang besar saja.

"Bagi mereka, perniagaan yang besar boleh dapat untung besar tanpa memikirkan kerugian yang akan ditanggung. Tetapi kita janganlah tamak. Ada baiknya kita memulakan perniagaan kecil-kecilan dulu, kemudian rancang dengan teratur untuk

mencapai kejayaan yang besar," katanya.

Beliau menegaskan, seseorang itu perlu mengenal pasti kelemahan diri sebelum mengambil keputusan untuk menyertai bidang perniagaan yang banyak cabaran.

"Kalau kita tidak mampu menguruskan perniagaan, mustahil kita boleh mencapai kejayaan. Kerajaan memang mudah menyediakan rancangan dan peruntukan, tetapi jika usahawan sendiri tidak berusaha, semua yang dicita-citakan tidak akan tercapai," katanya.

Mengenai pembabitan wanita dalam bidang perniagaan, Perdana Menteri, berkata kerajaan akan memberi perhatian kepada mereka "kerana kita lebih mengharap peniaga wanita daripada lelaki."

Katanya, pada waktu kemelesetan ekonomi, kerajaan mendapati tidak ramai usahawan wanita yang menghadapi masalah berbanding dengan lelaki.

"Kita sedia mendengar segala desakan dan tuntutan usahawan wanita, di samping mengambil tindakan yang diperlukan supaya semua orang menikmati kejayaan," katanya.